

No. Sebut Harga: HA/941(S) – 124/2025

KEW.PA-27

**KENYATAAN TAWARAN JUALAN SISA SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH****Kementerian / Jabatan: HOSPITAL AMPANG, SELANGOR**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang mempunyai lesen MOF dengan permit barang lusuh untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	IVECO 35S13V AMBULANS	BHH 5283	1	1,200.00
2.	IVECO 35S13V AMBULANS	BHH 5292	1	1,200.00


** Nota :Bagi yang berkaitan sahaja.*

2. Aset boleh dilihat pada **13 Mei 2025** hingga **16 Mei 2025** di antara jam **9.00 pagi** hingga **1.00 petang** di **Ruang Legar PAC, Hospital Ampang, Jalan Mewah Utara, Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor.**
3. Tawaran Sebut Harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) yang boleh diperoleh di alamat seperti di perenggan 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **HA/941(S)-124/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Unit Perolehan
Bahagian Pengurusan
Hospital Ampang
Jalan Mewah Utara, Pandan Mewah
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan**

5. Tarikh tutup Sebut Harga pada **19 MEI 2025 (ISNIN)** jam **12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)


DR. KASUADI BIN HUSSIN (MMC.32761)
Pengarah
Hospital Ampang
Selangor Darul Ehsan

Alamat : **Bahagian Pengurusan, Hospital Ampang, Jalan Mewah Utara,
Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan**

Tarikh :
Cop :



PELUPUSAN IKLAN DI PAPAN NOTIS
TARIKH MULA : 9/05/2025
TARIKH TAMAT : 19/05/2025
TANDATANGAN

b.p. Pengarah
Hospital Ampang
Selangor Darul Ehsan

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Deraf Bank sahaja atas nama **PENGARAH HOSPITAL AMPANG**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran penuh kepada Unit Hasil, Hospital Ampang dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tawaran adalah terbatal dan wang deposit tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal berbuat demikian, bayaran dan deposit tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk membatalkan tawaran dan merampas kenderaan tersebut untuk dilupuskan.

SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN SEBUT HARGA JABATAN

9. Pembeli bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara berikut:-
 - a) Menyerahkan peralatan / pelekak berikut kepada Jabatan sebelum membawa keluar kenderaan:
 - i) Bagi ambulans: menanggalkan alat komunikasi GORN, stretcher, lampu siren (beacon light) dan alat komponen lain yang masih berfungsi;
 - ii) Menanggalkan pelekak Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa;
 - b) Memadamkan tulisan nama / logo kementerian / jabatan pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan;
 - c) Melaksanakan urusan berkaitan sekatan duti import dan cukai Kastam serta menanggung kos-kos yang terlibat bagi urusan tersebut adalah ditanggung oleh Petender / penyebut harga / pembida berjaya / penerima hadiah dan serahan;
 - d) Menguruskan pembatalan pendaftaran kenderaan di JPJ / JLM dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan.
 - e) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 9. a) hingga 9. d)

10. Semua aset yang dijual tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) setelah pembatalan hak milik dilakukan dan kenderaan tidak boleh lagi dipandu di jalan raya.
11. Tawaran tanpa / kurang deposit tender / sebut harga / lelong tidak akan dipertimbangkan.
12. Dipelawa hanya kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lulus sahaja (Perlu Permit). Individu / orang perseorangan tidak dibenarkan menyertai pelawaan sebut harga ini.
13. Penyebut harga hendaklah **mengemukakan borong sebut harga dan dokumen sokongan seperti berikut:**
 - 13.1 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
 - 13.2 Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - 13.3 Lesen bagi berniaga barang-barang lulus
 - 13.4 Profil Syarikat
 - 13.5 cop syarikat semasa melihat asset

Nota: Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan